

<input checked="" type="checkbox"/> KOSMO
Tarikh: 11/12/2010
Hari: RABU M/S: 13
Ruangan: NEGARA

# Ganjaran untuk IPT mesra rakyat

Oleh MEGAT RAMLI MEGAT RAOF  
megat@kosmo.com.my

**SHAH ALAM** - Kementerian Pengajian Tinggi akan memberi ganjaran dalam bentuk wang ringgit kepada institusi pengajian tinggi (IPT) yang berjaya melaksanakan program jalinan kemasyarakatan yang terbaik mulai tahun depan.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, IPT awam dan swasta yang terbaik akan dipilih dalam satu pertandingan berdasarkan program yang dilaksanakan itu sama ada mampu memberi impak yang tinggi kepada masyarakat dan negara.

Menurutnya, langkah tersebut adalah sebahagian daripada usaha menggalakkan penglibatan dan persaingan

antara semua universiti di negara ini untuk menganjurkan program berkenaan.

"Menerusi kepelbagaian program jalinan masyarakat, pemintu universiti daripada pelbagai jurusan boleh merapatkan hubungan dengan masyarakat dan membuat kajian bagi menyelesaikan sesuatu isu atau masalah yang dihadapi masyarakat masa kini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhir selepas melancarkan program Daripada Universiti ke Komuniti antara Management and Science University (MSU) di sini semalam.

Hadir sama ialah Pro-Cancellor dan Pengerusi MSU, Tan Sri Dr. Wan Mohd. Zahir Wan Noordin dan Presiden MSU, Prof. Datuk Wira Mohd. Shukri Ab. Yajid.

Program itu melibatkan kira-kira 2,000 pelajar pelbagai program pengajian dengan tumpuan kepada lima kumpulan sasar utama iaitu masyarakat Orang Asli, golongan miskin bandar, anak-anak yatim, isu alam sekitar dan kesihatan.

Pada majlis itu, MSU juga menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Universiti Maritime Korea (KMU) bagi tujuan program pertukaran pelajar, program pengajian dan kajian antara dua buah universiti tersebut.

Mohamed Khaled memberitahu, program jalinan masyarakat juga dilihat dapat memupuk semula semangat kesukarelawan yang semakin luntur di kalangan generasi muda lepasan universiti dan melahirkan mo-



MOHAMED KHALED (dua dari kiri) bersama Mohd. Shukri (kiri) berbual dengan Deok Yea (dua dari kanan) selepas majlis menandatangani MoU di Shah Alam semalam.

dal insan yang prihatin dengan masyarakat luar.

"Budaya ini kian lama kian luntur apatah lagi di ka-

langan generasi muda lepasan universiti yang sudah menjadi satu komuniti siber yang membentuk dunia me-

reka sendiri tanpa menghiraukan keperluan komuniti di dunia realiti," jelasnya.